

07 MAY 2001

Mahathir-UMNO

DR MAHATHIR PERTAHAN KEPUTUSAN LEMBAGA DISIPLIN UMNO

JITRA, 7 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan keputusan yang diambil oleh Lembaga Disiplin Umno terhadap mereka yang terbabit dengan politik wang walaupun ada yang memberikan pelbagai alasan tentang pembabitan mereka.

"Tiada siapa mengatakan mereka terlibat tetapi daripada fakta kita tahu mereka terbabit", katanya.

Jika di mahkamah, mereka yang tertuduh akan nafi melakukan rogol atau sodomi, katanya sebagai contoh apabila diminta mengulas keputusan lembaga itu Sabtu lalu.

Perdana Menteri berkata demikian selepas berdialog dengan Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar IPTA di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), di Sintok dekat sini.

Beliau berkata jika Majlis Tertinggi Umno tidak menyokong keputusan oleh lembaga itu, tiada siapa akan menghormatinya.

Dr Mahathir mengulangi bahawa keputusan dibuat oleh lembaga itu selepas siasatan yang rapi.

Enam pemimpin Umno termasuk tiga ketua bahagian telah didapati bersalah oleh lembaga itu kerana terbabit dengan penggunaan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini.

Tiga ketua bahagian itu ialah Mustafa Kamal Mohd Nawi (Gopeng), Datuk Abdullah Omar (Muar) dan Datuk Zainol Md Isa (Baling) manakala tiga yang lain ialah calon ketua bahagian Bagan Serai, Zaki Din, ketua penerangan bahagian Selayang Rahmat Abdullah dan ketua penerangan bahagian Gopeng Mohamad Annuar Baharuddin.

"Jika kita tidak serius (membanteras politik wang) kali ini, kita tidak akan serius pada masa akan datang," katanya.

"Jika kita tidak lakukan tindakan ini, kita akan kehilangan sokongan daripada majoriti rakyat. Tetapi jika kita melakukannya, kita mungkin hilang sokongan daripada mereka yang tidak setia kepada parti," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno tidak akan membenarkan parti itu dipimpin oleh mereka yang mengamalkan rasuah.

"Daripada penilaian yang saya buat semasa lawatan di seluruh negara, saya dapati antara faktor yang menyebabkan Umno kehilangan sokongan adalah disebabkan persepsi umum bahawa parti itu dipimpin oleh mereka yang mengamalkan rasuah," katanya.

Dr Mahathir berkata pandangannya bahawa MT perlu menerima keputusan lembaga itu bukan bermakna ia sebagai arahan dari presiden parti.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata Umno akan mengkaji samada Zainol perlu melepaskan jawatannya sebagai anggota Exco kerajaan negeri Kedah.

Katanya, Umno juga akan memberi pertimbangan terhadap rayuan yang dibuat oleh kesemua mereka yang didapati bersalah itu.

Mengulas mengenai dialog itu, Dr Mahathir berkata pandangan para pemimpin pelajar itu tidak banyak berbeza dengan kerajaan walaupun ada sedikit kekeliruan.

Lebih 200 pemimpin pelajar dan wakil dari 14 buah universiti awam menghadiri dialog itu.

-- BERNAMA

JM AO MOZ